



MAJLIS DAERAH PADANG TERAP
06300 Kuala Nerang, Kedah Darul Aman
TEL : 04-7901200 / 04-7866328
FAKS : 04-7866639
E-MAIL : mdptk@mdptk.gov.my

**JABATAN KESIHATAN
PERSEKITARAN**
BAHAGIAN PELESENAN

**SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PERNIAGAAN / PERINDUSTRIAN /
BENGKEL / KEJURUTERAAN**

1. Memastikan bahan-bahan atau larutan yang mudah terbakar hendaklah disimpan dalam bekas bertutup.
2. Penggunaan 'ram' (tanjakan) mudah alih adalah dibenarkan dan perlu mengemukakan permohonan kepada Jabatan Bangunan.
3. Penyewaan petak letak kereta khas dibenarkan mengikut kelulusan MDPT.
4. Lantai hendaklah berkonkrit, kuat dan kemas dengan bahan kalis air yang senang dicuci, tidak licin (non-slip) seperti epoxy, lantai jubin, floor hardener dan bahan yang sama jenisnya.
5. Kemas dinding dalam stor premis hendaklah daripada bahan kalis air yang senang dicuci.
6. Barang bukan makanan (jika ada) tidak dibenarkan disimpan / distorkan / diletakkan yang sama makanan / minuman. Simpanan / peng storan bahan kimia / toksid dan lain-lain bahan yang bahaya atau yang boleh mencemarkan makanan dan minuman tidak dibenarkan sama sekali disimpan di dalam gudang makanan / minuman.
7. Semua barang-barang gudang hendaklah disusun dengan kemas, teratur, bersih dan selamat di atas rak-rak daripada bahan yang tidak mudah berkarat, plastik yang tahan lama atau pallet kayu yang kuat dan senang dibersihkan.
8. Bahan makanan dan minuman di gudang tidak boleh terdedah dan hendaklah dilabelkan serta dibungkus di dalam bungkusan seperti kotak, tin, botol, beg plastik dan sebagainya yang sempurna dan bersih atau dengan bahan yang tidak boleh mencemarkan makanan / minuman.
9. Bagi gudang atau stor penyimpanan bahan-bahan makanan dan minuman perlu mengemukakan Sijil Pest Control terkini semasa pemeriksaan.
10. Bahan-bahan simpanan merbahaya atau berjadual perlulah mendapat kelulusan daripada agensi-agensi berkaitan.
11. Tidak mengeluarkan bunyi bising yang boleh menyebabkan kacau ganggu kepada orang awam.